

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]**

SOALAN :

YB Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kuarters Kerajaan terbengkalai seluruh negara mengikut negeri dan apakah usaha yang dirancang untuk kuarters tersebut sedangkan terdapat kekurangan besar rumah mampu milik terutamanya di kawasan bandar.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, tiada kuarters yang khusus di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri, berstatus terbengkalai.

Bagi menampung permintaan rumah mampu milik terutamanya di kawasan bandar oleh penjawat awam, inisiatif projek Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) telah dilancarkan dengan sasaran pembinaan 200,000 unit rumah. Selain itu, bagi tahun 2018, sebanyak 214 projek telah diluluskan bagi pembinaan kuarters di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 208

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG
KAWASAN : ALOR GAJAH**

SOALAN:

YB DATUK KOH NAI KWONG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah "Traffic Impact Assessment" (TIA) menjadi satu kewajiban di bawah supaya sebelum suatu projek lebuh raya atau perancangan bandar dimulakan dan apakah peranan serta langkah Kementerian seterusnya setelah projek menyerahkan TIA kepada Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi projek pembangunan fizikal lebuh raya, kajian trafik perlu dilaksanakan untuk menentukan keperluan lebuh raya tersebut. Kajian Trafik yang dilaksanakan adalah merangkumi bidang trafik, sosial, alam sekitar, ekonomi dan guna tanah. Manakala Traffic Impact Assessment (TIA) adalah perlu dilaksanakan untuk projek-projek pembangunan fizikal bangunan seperti sekolah, perumahan, komersial atau pusat membeli-belah sekiranya terdapat pembangunan yang memerlukan akses kepada jalan sedia ada.

TIA dilaksanakan diperingkat rekabentuk projek dan dibawah bidang kuasa pemantauan JKR. Sebarang hasil laporan akan diambil kira semasa fasa rekabentuk projek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]
TARIKH : -
SOALAN : 209**

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apa jenis kerja-kerja naik taraf yang akan dilaksanakan di bangunan lama Hospital Alor Gajah dan bila akan kerja-kerja ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerja-kerja naiktaraf yang akan dilaksanakan di bangunan lama Hospital Alor Gajah adalah melibatkan kerja-kerja pengubahsuaian beberapa blok sedia. Ini termasuklah klinik Kesihatan Ibu dan Anak bagi menempatkan Jabatan Pesakit Luar yang merangkumi ruang pendaftaran, ruang menunggu, bilik pemeriksaan, bilik prosedur, unit kecemasan, makmal, unit methadone dan bilik-bilik kemudahan sokongan yang lain. Selain itu, terdapat juga kerja-kerja pembaikan ke atas bumbung yang bocor. Pelaksanaan projek akan dilaksanakan bermula pada April 2018 dan dijangka siap pada penghujung Oktober 2018.